

03 JAN 2003

Polis-ancaman

POLIS SIAP SEDIA JAGA KESELAMATAN SARAWAK

KUCHING, 3 Jan (Bernama) -- Polis Sarawak bersiap sedia untuk menggerakkan segala kekuatannya untuk menjaga keselamatan negeri itu daripada ancaman dalam maupun luar negeri, kata pesuruhjayanya Datuk Mohd Yusoff Jaafar hari ini.

Katanya ketika negara menghadapi elemen yang menggugat keselamatan, setiap anggota polis akan memikul tanggungjawab masing-masing bagi memastikan Sarawak bebas daripada semua ancaman itu.

"Kita sedang kumpul maklumat tentang ancaman anasir yang boleh gugat keselamatan kerana soal keselamatan adalah tanggungjawab polis," katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Tamah Hari Raya dan Krismas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak di sini.

Mohd Yusoff berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan negara lain bagi menjadikan Malaysia sebagai medan perang bagi mempertahankan negara mereka.

Katanya polis sentiasa membuat pemantauan di tempat-tempat strategik termasuk di kawasan sempadan bagi memastikan tiada ancaman terhadap keselamatan.

Mohd Yusoff juga berkata beberapa lagi Unit Polis Pelancong (UPP) akan ditubuhkan termasuk di Sibu dan Bintulu bagi menjayakan Tahun Pelancongan Sarawak 2003 yang bermula 1 Jan lepas.

Sebelum ini UPP telah ditubuhkan di Kuching dan Miri, dengan anggota-anggotanya meronda kawasan-kawasan tumpuan pelancong bagi memastikan keselamatan mereka terjamin.

Mohd Yusoff juga berkata beliau bangga dengan prestasi polis Sarawak selaku negeri ketiga terbaik selepas Terengganu dan Perlis daripada aspek penyelesaian kes jenayah.

-- BERNAMA

MT MAI